

Tarbiyah Pengasas Siri 42

28 Jun 2022

Dinamika Dengar dan Taat

Prof Dr Muhammad Syukri Salleh

1. Tarbiyah hari ini cuma ingin mengimbau kembali kenangan lama-lama, kalau-kalau boleh belajar daripada kenangan tersebut.
2. Salah satu kenangan yang masih saya ingat sangat ialah amalan “Dengar dan Taat” (selagi tidak melanggar Islam) warga ISDEV (pensyarah, staf pentadbiran, dan pelajar) terhadap kepimpinan.
3. Amalan “Dengar dan Taat” ini telah memudah dan menguatkan pembinaan ISDEV.
4. Warga ISDEV beramal dengan “Dengar dan Taat” itu mungkin kerana:
 - ❖ Saya paling tua/senior
 - ❖ Warga ISDEV (pensyarah/ASTS) dan pelajar) masih muda dan belum banyak cita-cita
 - ❖ Faham apa yang diperjuangkan
 - ❖ Merasa nikmat hasil perjuangan
5. Dengan amalan “Dengar dan Taat” itu banyak aktiviti yang dijalankan dengan mudah dan jayanya oleh ISDEV, misalnya:
 - ❖ Pengajian Selasa
 - ❖ Musafir tahunan ke Medan, ke Ban Nua, ke Brunei
 - ❖ INGRAW (ISDEV International Graduate Workshop)

- ❖ IDMAC (ISDEV International Development Management Conference)
- ❖ Siri Syarahan ISDEV
- ❖ Kem Pembangunan Insaniah
- ❖ Kem Tasawwur Islam
- ❖ Anugerah Tesis Terbaik
- ❖ Penulisan buku dan artikel
- ❖ Dan lain-lain

6. Semuanya dilakukan tanpa warga ISDEV mempersoalkan:

- ❖ Logik
- ❖ Tujuan
- ❖ Kos perbelanjaan (tapi bila perlu, ada saja yang Allah SWT kurniakan daripada sumber yang tidak disangka; ada yang berusaha, bila memang tidak dapat, ISDEV bantu daripada sumber tadi)
- ❖ Kepakaran masing-masing (misalnya gantung banner). Jika mereka bukan pakar, mereka belajar sesuatu melalui amalan "Dengar dan Taat". Mereka menyumbang tenaga dan masa sebaiknya.

7. Mereka "Dengar dan Taat" sebab mereka tahu:

- ❖ Pemimpin ada visi dan strategi untuk capai sesuatu
- ❖ Mereka yakin dengan pemimpin
- ❖ Mereka berkongsi cita-cita yang satu
- ❖ Mereka ada rasa bersama (*sense of belongings*)
- ❖ Mereka jadikan cita-cita peribadi sebagai cita-cita ISDEV
- ❖ Mereka faham mereka akan tahu apa hikmah dan nikmat hasil usaha tersebut setelah selesai program.

8. Sebab itu mereka bergabung untuk realisasikan strategi tersebut dengan berlapang dada dan melakukannya dengan sepenuh hati (dengar dan taat)
9. Saya tidak tahu dengan pasti apakah amalan “Dengar dan Taat” ini masih diamalkan dengan sebaiknya di ISDEV sekarang.
10. Tambah lagi suasana sekarang pun sudah agak berbeza sedikit dari dahulu:
 - ❖ Kepimpinan, pensyarah dan pelajar sama-sama muda, malah ada yang lebih tua
 - ❖ Pensyarah sudah matang, sudah ada pencapaian peribadi, dan boleh membuat keputusan sendiri
 - ❖ Pensyarah boleh berlepas diri daripada pemimpin sebab sudah ada kebolehan dan pengalaman, begitu juga dengan kebanyakan pelajar yang senior
 - ❖ Pensyarah perlu capai cita-cita peribadi mereka
 - ❖ Kebanyakan pelajar tidak berpeluang berdepan dan bergaul dengan pensyarah secara langsung
 - ❖ Aktiviti-aktiviti tidak dapat diadakan secara bebas seperti dahulu kerana sekatan Covic-19
11. Walaupun dalam keadaan sedemikian sekarang ini, harapkan amalan “Dengar dan Taat” masih diamalkan dengan sebaiknya sekarang. Jika terkurang, boleh diperkembangkan balik, tambah lagi untuk capai Hi-CoE.
12. Kena terima hakikat bahawa:
 - ❖ Pemimpin ada visi, ada cita-cita dan ada strategi
 - ❖ Pemimpin banyak bergaul dengan pemimpin-pemimpin lain di atas, berkursus dan terdedah dengan pelbagai peluang, boleh baca trend,

pemikiran dan pengalaman mereka yang boleh dimanfaatkan

13. Jika pensyarah dan pelajar sambut saranan dan strategi pemimpin dengan dengar dan taat, ISDEV akan terus kuat, Insya-Allah.
14. Tambah lagi pensyarah-pensyarah sudah matang, manakala pelajar-pelajar pula ramai yang:
 - ❖ Ada jawatan
 - ❖ Ada ilmu
 - ❖ Ada pengalaman
 - ❖ Ada pengaruh
 - ❖ Ada sumber pendapatan
 - ❖ dan sebagainya
15. Gunakanlah kesemua itu dengan sebaiknya untuk memulia dan menggemilangkan Islam melalui ISDEV.